

## BAB 2

### PENDEKATAN KAJIAN DAN KEDUDUKAN WANITA DALAM MASYARAKAT

#### 2.0. Konsep Peranan

Peranan merupakan perlakuan yang diharapkan dan dijangkakan oleh masyarakat daripada anggota-anggotanya. Peranan juga terdiri daripada satu set himpunan hak dan tanggungjawab. Hak merupakan kuasa untuk berbuat sesuatu dan ianya ditentukan oleh undang-undang, agama atau adat manakala tanggungjawab merupakan kewajipan yang dipikul oleh seseorang.

Menurut Sargent,

A person's role is a pattern or type of social behaviour which seems situationally appropriate to him in terms of the demands and expectations of those in his groups.

[Dalam Banton, 1965:21]

Banton [1965] pula menambah setiap kelompok sosial diibaratkan sebagai kapal atau sepasukan bolasepak. Setiap anggota sebagai satu unit sosial mempunyai tanggungjawab yang diharapkan darinya, iaitu sesuatu perlakuan yang dijangkakan bagi memenuhi syarat untuk menjadi sebahagian daripada anggota-anggota masyarakat.

Pandangan Banton ini disokong oleh Jackson yang berpendapat peranan merupakan satu set perlakuan yang diharapkan atau dijangkakan oleh masyarakat. Peranan juga adalah ditentukan oleh satu set nilai yang dijadikan indeks untuk mengukur status dan perlakuan seseorang individu dalam masyarakat. Beliau menjelaskan,

**Role is defined as a set of expectations, or in terms of our definition of expectations, it is a set of evaluative standards applied to the incumbent of a particular position.**

[Jackson, 1972:117]

Bagi menentukan peranan ini terus wujud, maka perlu dilakukan secara berlanjutan oleh anggota-anggota masyarakat.

Berbeza dengan Linton [1945] dan Sills [1968] yang berpendapat konsep peranan sering dikaitkan dengan status, iaitu yang melibatkan perlaksanaan tugas dan hak dalam status tertentu. Setiap anggota masyarakat menduduki suatu kedudukan soial atau status tertentu yang mempunyai peranan yang telah ditetapkan. Segala peranan yang dimainkan mestilah berdasarkan status yang melibatkan nilai, sikap dan tingkahlaku, dan ini ditentukan oleh masyarakat menurut status individu. Linton menjelaskan,

The term role will be used to designate the sum total of the culture patterns associated with a particular status. It thus includes the attitudes, values and behaviour ascribed by the society to any and all persons occupying the status.

[1945:113-114]

Dalam menduduki sesuatu kedudukan atau status, seseorang individu tidak boleh lari daripada menjalankan lebih daripada satu peranan. Seseorang individu itu mempunyai rangkaian peranan atau set peranan yang ditakrifkan oleh Merton sebagai,


... an array of associated roles relating the incumbent to the various other role-players with whom he has to deal in fulfilling the obligations of his status. This is called the "role-set."

[1957:106]

Dalam kebanyakan masyarakat, seseorang wanita menjalankan pelbagai peranan dalam satu set peranan sama ada sebagai seorang pekerja, ibu, isteri atau anggota yang bertanggungjawab di dalam masyarakatnya. Peranannya bergantung kepada statusnya yang telah ditetapkan oleh masyarakat. Pada masa dahulu, walaupun wanita Melayu terlibat dalam aktiviti ekonomi seperti membantu suami di kebun, ladang atau sawah, namun penglibatan mereka bukanlah sebagai pekerja yang menerima upah. Wanita Melayu dahulu juga bekerja dalam lingkungan rumah tangga dan keluarga. Namun sesuai dengan perubahan, peranan-peranan itu sekarang didapati pelbagai. Perkembangan pendidikan dan perubahan ekonomi telah membawa wanita keluar daripada kongkongan peranan tradisinya. Wanita sekarang bertapak dalam bidang yang dahulunya didominasi oleh orang lelaki, misalnya dalam bidang kejuruteraan, kedoktoran, undang-undang dan dalam pelbagai pekerjaan kolar putih yang lain. Jelasnya, wanita kini telah memasuki pasaran pekerjaan secara terbuka. Oleh yang demikian, selain peranannya

sebagai isteri, ibu dan pengurus rumah tangga, wanita kini telah muncul sebagai pekerja-pekerja yang bertugas di luar bidang domestik. Selain menjadi pengurus rumah tangga, wanita kini berperanan sebagai pekerja atau majikan dan sebagai seorang individu yang memberi khidmat kemasyarakatan [Sharifah Nafsiah, 1994:74-77]. Kepelbagaiannya peranan atau set peranan yang dimainkan oleh wanita dapat dilihat dari Rajah 2.1.

Rajah 2:1  
Peranan Berdasarkan Jantina



Sumber : Dipetik dari Banton, (1965:35)

Berdasarkan Rajah 2.1, peranan asas merujuk kepada peranan yang dimainkan berdasarkan faktor umur dan jantina dan iaanya diwarisi dengan kelahiran seseorang individu manakala

peranan am merujuk kepada peranan yang diperolehi secara pencapaian sama ada melalui pendidikan atau pekerjaan. Maka seorang wanita mungkin memainkan dua jenis peranan dalam dua masa yang berbeza. Misalnya, seorang wanita memainkan peranan asasnya berdasarkan faktor umur dan jantina, yang diwarisinya melalui kelahiran. Peranan yang berdasarkan faktor umur dan jantina ini dinamakan peranan asas menurut Banton [1965:34]. Peranan asas yang berdasarkan faktor jantina melibatkan wanita di dalam bidang domestik, merangkumi lingkungan rumah tangga, iaitu sebagai isteri, ibu dan pengurus rumah tangga. Peningkatan umur seorang wanita memberikan lebih kebebasan kepadanya. Seorang wanita Melayu yang dianggap tua, terutama bagi wanita yang telah keputusan haid, lebih bebas untuk bergerak dalam masyarakat, misalnya menyuarakan pendapat dan cadangan berhubung hal-hal kemasyarakatan.

Selain peranan asas, wanita juga memainkan peranan yang lebih luas, yang ditentukan oleh faktor yang diperolehinya, seperti melalui pendidikan dan ekonomi. Peranan ini dikategorikan sebagai peranan am yang merujuk dalam konteks yang lebih luas, terutama bagi wanita kini. Dalam kategori ini, wanita berperanan sebagai pekerja upahan, ia mempunyai kuasa dan peluang yang lebih besar yang dapat membebaskannya daripada bergantung kepada lelaki.

Peranan seseorang individu seringkali dikaitkan dengan statusnya dalam masyarakat dan lazimnya seseorang individu memainkan lebih dari satu peranan dalam kehidupannya dan ini bergantung kepada status yang didudukinya. Peranan seseorang juga dapat diteliti dalam konteks peranan asas yang diterima secara kelahiran dan peranan yang dicapai yang boleh berubah dengan pencapaian dalam bidang pendidikan dan ekonomi.

### 2.1. Peranan Wanita Dalam Masyarakat

Dalam menganalisis peranan seorang wanita, terdapat dua soalan yang perlu kira persoalkan: Adakah secara biologi seorang wanita dilahirkan dengan kemahiran-kemahiran domestik bagi melengkapkan dirinya sebagai seorang wanita atau adakah persekitaraan atau budaya yang menentukan peranan-peranan dan kemahiran-kemahiran yang perlu ada pada seorang wanita.

Bagi menangani persolan yang pertama iaitu adakah peranan seorang wanita ditentukan oleh faktor biologi, ahli-ahli akademik seperti Dahlstrom [1967], Rosaldo dan Lamphere [1974] serta Sargent dan Williamson [1966] menegaskan yang faktor biologilah yang menentukan peranan-peranan yang

sepautnya dimainkan oleh seorang wanita dalam sesebuah masyarakat. Menurut Dahlstrom [1967], perbezaan fizikal secara biologi antara lelaki dan wanita membawa kepada perbezaan peranan berdasarkan jantina. Sebagai seorang wanita, peranan asasnya telah ditentukan sebagai seorang isteri dan ibu yang bertanggungjawab menguruskan rumahtangga. Peranan-peranan ini ditentukan selaras dengan sifat-sifat semulajadi mereka seperti bentuk fizikal yang berfungsi sebagai agen reproduksi. Pendapat yang sama ditegaskan oleh Sargent and Williamson [1966],

... basic to her child-carrying role and therefore related, more indirectly to her domestic role.

[1966:385]

Segala tingkahlaku dan aktiviti yang dijalankan oleh wanita diperolehi secara kelahirannya [Rosaldo dan Lamphere, 1974:25]. Tiger dan Fox turut menegaskan yang secara genetik manusia telah dilengkapkan dengan peranan-peranan yang berbeza Wanita misalnya, telah dilengkapkan secara biologi dengan hormon-hormon wanita yang membolehkannya mengandung, melahirkan dan membesarakan anak-anak. Ini telah menyediakan satu asas yang kukuh bagi wanita untuk menjadi ibu. Asas ini menyebabkan seorang ibu dan anak mempunyai hubungan atau

ikatan emosi yang erat. Seorang wanita juga disebabkan telah dilengkapkan dengan fungsi-fungsi biologi yang sedemikian menyebabkan mereka mendominasi aktiviti-aktiviti domestik yang mempunyai kaitan dengan penjagaan anak-anak dan seterusnya mereka terikat dengan kerja-kerja menguruskan rumahtangga.

Berbeza dengan seorang lelaki yang telah dilengkapkan dengan tenaga fizikal yang kuat dan sifat agresif yang tinggi menyebabkan aktiviti-aktiviti yang dijalankannya lebih cenderung kepada yang bersifat kemasyarakatan. Mereka pergi berburu dan berperang bagi menjaga keselamatan anggota-anggota masyarakat. Aktiviti-aktiviti itu membawa kepada penguasaan kedudukan yang dikaitkan dengan kuasa.

Menurut Tiger dan Fox [1971], dalam mana-mana masyarakat sama ada masyarakat primitif, masyarakat moden atau masyarakat industri, pembahagian peranan yang berbeza menurut jantina ini wujud. Perbezaan biologi antara lelaki dan wanita itu yang mempengaruhi kebolehan dan aktiviti yang dilakukan oleh lelaki dan wanita.

Pembahagian tugas ini telah wujud dalam kebanyakan masyarakat dan keadaan ini berterusan dari satu generasi kepada satu generasi, yang muncul sebagai satu peranan yang

ditetapkan dan dijangkakan oleh masyarakat.

Namun pada masa yang sama pendapat yang peranan lelaki-wanita dibentuk dan ditentukan oleh faktor biologi sebenarnya boleh disangkal. Selari dengan perubahan zaman dan kaitannya dengan perkembangan pendidikan formal, peranan wanita telah dipelbagaikan dan tidak lagi tertakluk dan terikat kepada peranan-peranan asas yang ditentukan oleh faktor biologi. Menurut Rogers [1980], dalam menganalisis pembentukan peranan lelaki-wanita, kita sebenarnya melihat pembahagian peranan berdasarkan gender dan bukannya berdasarkan jantina. Pembentukan peranan lelaki-wanita berdasarkan gender adalah dibentuk oleh dua faktor yang dominan iaitu budaya dan agama. Pendekatan ini ditegaskan lagi oleh Roziah Omar [1996] yang menekankan kepentingan agama dan budaya dalam membentuk dan mewarnai peranan wanita Melayu dalam masyarakat. Heyzer [1986] dalam bukunya yang berjudul "Working Women in South East Asia" juga menegaskan yang faktor budaya merupakan faktor asas yang perlu diambil kira dalam menilai pembentukan peranan lelaki-wanita. Menurut Heyzer [1986] lagi, budaya merupakan faktor utama dalam menentukan interpretasi perlakuan dan peranan yang dijangka dan diterima oleh masyarakat. Budaya bukan sahaja mempengaruhi pandangan lelaki terhadap wanita dan sebaliknya tetapi juga pandangan

wanita terhadap dirinya sendiri.

Selain agama dan budaya, pengaruh pendidikan formal terhadap pembentukan peranan wanita Melayu juga perlu diambil kira. Pendidikan formal mempunyai pengaruh yang kuat dalam mengubah persepsi masyarakat terhadap peranan seorang wanita. Pengaruh pendidikan formal telah mempelbagaikan peranan seorang wanita Melayu dan membawanya keluar dari lingkungan domestik. Malah pendidikan formal turut mengubah persepsi wanita terhadap diri mereka sendiri. Dengan pendidikan formal, wanita Melayu sedar akan kepentingan mereka dalam ruang kemasyarakatan dan sumbangan yang mampu mereka berikan ke arah kemajuan negara. Pada masa yang sama pendidikan juga telah mengubah pandangan lelaki Melayu terhadap peranan asas mereka sebagai seorang lelaki. Jika dahulu peranan utama seorang lelaki ialah sebagai pencari nafkah utama, namun dengan pendedahan yang diperolehi daripada pendidikan formal, pembahagian peranan seorang lelaki Melayu kini semakin meluas. Kini lelaki turut terlibat dengan kerja-kerja domestik dan tidak lagi merasa malu untuk melakukannya kerana masyarakat dan budaya tidak lagi menganggap ianya sebagai sesuatu yang devian. Pendidikan formal telah mengubah persepsi masyarakat dan budaya terhadap pembentukan peranan lelaki-wanita Melayu.

Sebelum perbincangan ini bergerak lebih jauh lagi, eloklah diulaskan bagaimana faktor budaya dan agama membentuk peranan lelaki-wanita dan bagaimana juga perubahan budaya membawa bersamanya perubahan dari segi pembentukan peranan lelaki-wanita Melayu. Dalam hal ini pendidikan formal merupakan faktor utama dalam membawa perubahan dalam budaya Melayu. Ini kerana budaya itu bersifat dinamik dan sentiasa berubah dengan perubahan waktu dan zaman. Amatlah diharapkan yang perbincangan ini seterusnya akan dapat menyangkal pendapat yang mengutarakan pendapat yang penetapan peranan lelaki-wanita adalah berasaskan faktor biologi.

‘

## **2.2. Pengaruh Budaya dan Agama Dalam Pembentukan Peranan Wanita Melayu: Bidang Domestik dan Profesional**

### **i. Pengaruh Agama Islam Dalam Pembentukan Peranan Wanita Melayu**

Islam mula bertapak di Tanah Melayu sejak awal abad ke 15. Semenjak daripada itu sehingga kini, semua orang Melayu adalah Islam. Islam juga merupakan agama rasmi bagi negara Malaysia. Menurut Roziah Omar [1996], agama Islam di Malaysia bukanlah hanya sebagai satu kepercayaan agama tetapi juga merupakan jalan hidup yang perlu diikuti.

Seseorang yang beragama Islam dimestikan menjalani kehidupan mereka berpandukan ajaran Al-Quran. Agama Islam telah dan masih lagi merupakan faktor yang dominan yang menentukan corak kehidupan seorang yang bernama Melayu.

Oleh yang demikian, maka tidak hairanlah yang agama Islam juga turut mempunyai pengaruh dalam membentuk peranan lelaki dan wanita Melayu. Islam mempengaruhi secara langsung pembentukan dan menentukan kejadian seorang wanita Melayu dalam lingkungan keluarga dan masyarakat [Dancz, 1987:13].

Menurut Rudie [1994], dalam lingkungan kekeluargaan, amalan ortodox perihal kewajipan dan pembahagian peranan lelaki-wanita masih lagi kukuh. Peranan seorang lelaki sebagai pencari nafkah utama keluarga dan pemimpin keluarga masih lagi jelas dan terus dipertahankan. Manakala, peranan seorang isteri sebagai orang yang bertanggungjawab menguruskan hal-hal domestik rumahtangga juga masih kukuh.

Menurut ajaran Islam, wanita telah dijadikan untuk mengandung dan melahirkan anak [Muhammad Ali Quthb, 1989:345]. Dari tugas fisiologi jelas tanggungjawabnya sebagai seorang ibu yang rapat dalam lingkungan rumahtangga [Suzanne Haneef, 1985:94]. Peranan biologi ini telah ditegaskan dalam

Al-Quran, Surah An-Nisa:34,

Kaum lelaki (kaum suami) adalah pemimpin bagi kaum wanita (kaum isteri), kerana Allah telah mengurniakan kelebihan kepada sebahagian mereka (yakni) kaum lelaki atas sebahagian yang lain (yakni kaum wanita), dan kerana mereka (kaum suami) menafkahkan sebahagian dari hartanya.

[Surah An-Nisa:34]

Ayat ke-34 Surah An-Nisa di atas menerangkan ketentuan hukum Allah dalam soal kepimpinan. Telah ditentukan kepimpinan kaum lelaki ke atas kaum wanita. Penetapan ini dibuat menurut fitrah (biologi), kaum wanita mempunyai kelebihan tertentu berbanding dengan kaum lelaki terutama dalam hal mengurus rumahtangga, mengasuh dan memelihara anak. Seorang wanita mempunyai susunan saraf yang lemah-lembut dan sensitif dan ini sesuai dalam tugas-tugas penjagaan anak-anak. Berbeza dengan fitrah kaum lelaki yang dikurniakan dengan kekuatan jasmani, kekuatan berfikir dan kemampuan menilai yang baik memberi kemampuan untuk melindungi keluarganya. Oleh yang demikian seorang suami atau lelaki dipertanggung-jawabkan memikul tugas mencari rezeki atau nafkah untuk

keluarganya.

Dalam Islam pembahagian tugas dan pekerjaan antara lelaki dan wanita itu hendaklah sesuai dengan tuntutan fitrah yang ditentukan oleh Tuhan. Dari perbezaan fitrah antara lelaki dan wanita ini sebenarnya membuatkan mereka saling melengkapi di antara satu sama lain.

Islam tidak menyekat penglibatan wanita dalam menyumbang ke arah pembangunan masyarakat dan negara. Seorang wanita, seperti juga seorang lelaki mempunyai tanggungjawab ke arah pembinaan ummah. Ini ditegaskan dalam Al-Quran

Barang siapa mengerjakan kebaikan, baik lelaki ataupun wanita, sedang ia beriman, nescaya Kami hidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan Kami balasi mereka dengan pahala yang terlebih baik dari apa yang telah mereka amalkan.

[Surah An-Nahl:97]

Amalan kebaikan yang dimaksudkan di atas bukan hanya merujuk kepada amalan sembahyang, puasa dan haji tetapi termasuk juga usaha ke arah mengisi keperluan diri, keluarga dan negara. Begitu juga usaha memperolehi ilmu pengetahuan

adalah termasuk dalam amalan yang dituntut, tidak kira dari seorang lelaki atau wanita.

Surah An-Nisa:32 juga menegaskan yang wanita dituntut berusaha seperti lelaki dengan syarat pekerjaan yang dilakukan tidak dilarang oleh agama. Seorang wanita juga boleh bekerja untuk membantu meringankan beban suami.

Jangan kamu iri hati, kerana Allah akan melebihkan sebahagian kamu dari yang lain. Untuk lelaki ada bahagian dari usaha yang dikerjakannya, dan untuk wanita ada bahagian dari usaha yang dikerjakannya. Kamu mintalah kepada Allah kurnianya. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui tiap-tiap sesuatu.

[Surah An-Nisa:32]

Penglibatan wanita dalam pembangunan negara atau masyarakat tidak dilarang mengikut Al-Quran. Atas dasar ini, sejak sebelum kedatangan kolonial hingga sekarang wanita Islam di Malaysia terus menerus melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti politik, ekonomi dan sosial demi pembangunan masyarakat dan negara. Selaras dengan penetapan peranan yang ditetapkan oleh agama Islam, wanita Melayu tidak hanya terikat dengan peranan-peranan domestik yang ditentukan oleh faktor biologi tetapi juga turut terlibat bersama-sama dengan kaum

lelaki dalam aktiviti-aktiviti ekonomi dan kemasyarakatan.

ii. Pengaruh Budaya Dalam Pembentukan Peranan

Wanita Melayu

Adat dan budaya turut mempunyai pengaruh yang dominan dalam pembentukan peranan lelaki-wanita Melayu. Adat wujud dalam masyarakat Melayu lama sebelum masyarakat Melayu memeluk agama Islam. Adat merupakan kebiasaan atau tradisi-tradisi yang telah diterima sebagai perlakuan harian [Roziah Omar, 1996:3]. Adat juga penting dalam membentuk identiti dan peribadi seseorang. Adat perlu diikuti kerana ia merupakan asas panduan perlakuan yang perlu ada dan diamalkan oleh setiap individu dalam masyarakat. Pepatah Melayu yang berbunyi "Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah" memperlihatkan kepentingan adat dalam hidup individu Melayu.

Seperti yang disebutkan sebelum ini, adat menentukan perlakuan-perlakuan yang perlu diikuti oleh setiap individu dalam masyarakat. Oleh yang demikian dalam meninjau pembentukan peranan lelaki-wanita, adat Melayu juga merupakan garis panduan yang turut diambil kira.

Dalam masyarakat Melayu, berdasarkan adat, peranan seorang wanita dalam rumahtangga ialah sebagai pengurus domestik. Seorang isteri yang baik ialah apabila ia melakukan segala urusan domestik seperti memasak, membasuh, mengurus rumahtangga dan menjaga anak-anak tanpa rungutan [Swift, 1963:277].

Manakala peranan utama seorang suami pula adalah sebagai pencari nafkah utama bagi keluarganya. Seorang suami bertanggungjawab untuk menyediakan kedua-dua nafkah zahir dan batin bagi isterinya.

Namun begitu walaupun pembahagian peranan lelaki-wanita dalam masyarakat Melayu ini nampak jelas, sebenarnya pembahagian ini tidaklah rigid [Swift, 1963:278]. Sebaliknya peranan lelaki-wanita dalam masyarakat Melayu berdasarkan adat sebenarnya saling melengkapi di antara satu sama lain. Seorang wanita misalnya tidak hanya berfungsi sebagai pencari nafkah utama tetapi juga pada masa-masa tertentu turut melakukan kerja-kerja domestik apabila diperlukan terutama semasa ketiadaan isteri atau sesama isterinya sakit.

Begitu juga seorang wanita Melayu turut bersama-sama terlibat dalam kegiatan ekonomi, bekerja beriringan dengan

lelaki mengerjakan sawah dan kebun milik keluarga. Dalam kegiatan ekonomi, wanita Melayu berfungsi sebagai pembantu yang terpenting kepada suaminya. Menurut Firth [1966], seorang isteri Melayu berfungsi sebagai pembantu utama kepada suami yang bekerja sebagai nelayan. Seorang isteri nelayan berperanan membantu suami yang pulang dari laut. Misalnya, ia membantu suami dalam penjualan ikan, memproses ikan kering untuk dijual dan menolong membawa pulang peralatan menangkap ikan ke rumah. Namun penglibatan wanita dalam kegiatan ekonomi hanya sebagai pembantu kepada suami dan peglibatannya masih lagi dalam lingkungan rumah tangga. Dan jikapun penglibatannya dalam bidang ekonomi memerlukannya ke luar dari lingkungan rumah tangga namun ini hanya untuk jangka masa yang singkat.

Jelas bahawa sebelum kedatangan kolonial, pembahagian peranan lelaki-wanita Melayu tidaklah rigid tetapi saling melengkapi di antara satu sama lain. Pembahagian peranan lelaki-wanita berdasarkan adat ini jika ditinjau sebenarnya selari dengan kehendak dan ajaran agama Islam yang tidak menyekat penglibatan wanita di luar lingkungan rumah tangga. Walaupun wanita Melayu turut terlibat dengan kegiatan ekonomi bersama-sama dengan suaminya, namun tingkah laku serta kesopanannya sebagai seorang wanita Melayu mestilah

dijaga. Kehadiran sseorang wanita Melayu di ruang kemasyarakatan perlu ditemani oleh seseorang bagi mengelakkan fitnah dan kesopanan dari segi berpakaian perlu dijaga [Rudie, 1994:54]. Ini juga selari dengan ajaran Islam yang mewajibkan seorang wanita Islam menjaga kehormatannya dan keperibadiannya terutama apabila berada di luar lingkungan kekeluargaan.

Bersama-sama dengan angin perubahan, pembahagian peranan lelaki-wanita dalam masyarakat Melayu turut merasai tempias perubahan ini. Ini kerana budaya itu sentiasa berubah dan ini turut mempengaruhi pembahagian peranan lelaki-wanita Melayu. Perubahan yang nyata ialah penglibatan wanita dalam kegiatan ekonomi yang memerlukannya keluar dari lingkungan rumah tangga untuk jangkamasa yang lama. Perubahan zaman dan kaitannya dengan pendidikan formal tidak lagi memperlihatkan wanita sebagai pembantu kepada suami dalam kegiatan ekonomi tetapi wanita mula menguasai bidang pekerjaan dan seterusnya menjadikan wanita sebagai individu yang berkerjaya.

### iii. Pengaruh Pendidikan Dalam Pembentukan Peranan Wanita

Selain daripada agama dan budaya, perkembangan pendidikan formal turut mempengaruhi pembentukan peranan lelaki-wanita Melayu. Pengkaji mengkategorikan pengaruh

pendidikan formal dalam salah satu perubahan yang terdapat dalam budaya. Ini kerana perkembangan pendidikan formal dan seterusnya perkembangan ekonomi negara telah menyuntik dan merangsang budaya Melayu untuk turut berubah dan perubahan ini turut mempengaruhi pembentukan peranan lelaki-wanita Melayu. Perkembangan pendidikan formal negara ini adalah berkait rapat dengan kedatangan kolonial.

Perubahan yang nyata mula dirasai dengan kedatangan kolonial ke Tanah Melayu. Tahap kolonialisme bagi Tanah Melayu bermula pada tahun 1511 dengan kedatangan penjajah Portugis ke Melaka. Bermula dari tahun 1511 hingga ke kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957, Tanah Melayu telah dijajah oleh dua kuasa asing yang lain. Pada tahun 1641, selepas penjajahan kuasa Portugis, Melaka telah dijajah oleh kuasa Belanda dan diikuti oleh British pada tahun 1786 apabila Pulau Pinang diserahkan kepada British oleh Sultan Kedah. Namun perubahan peranan dan status wanita Melayu hanya bermula dengan kedatangan penjajah British.

Kedatangan penjajah British membawa bersama-samanya ekonomi kapitalisme yang mengubah masyarakat Melayu tradisional daripada ekonomi sara diri kepada ekonomi kapitalis. Kedatangan British membawa kepada pembukaan

ladang-ladang getah dan pembukaan lombong-lombong bijih timah. Tenaga manusia kini sudah mula mempunyai nilai wang. Walaupun pada mulanya peluang bekerja untuk mendapatkan upah tidak menarik perhatian orang Melayu, namun dengan perkembangan ekonomi wang, lama kelamaan orang Melayu mula meresap masuk ke dalam ekonomi kapitalisme. Lelaki-lelaki Melayu mula menjual tenaga mereka bagi mendapatkan wang untuk menyara keluarga. Kesannya, wanita-wanita Melayu terpaksa memainkan peranan yang lebih besar dalam bidang pertanian sara diri untuk mendapatkan lebihan. Dalam ekonomi kapitalisme, pengeluaran ekonomi hanya dirujuk apabila berlakunya penukaran wang. Maka pekerjaan wanita dalam ekonomi sara diri tidak dilihat sebagai satu kegiatan ekonomi. Pengenalan kepada ekonomi kapitalisme ini merupakan asas kepada penafian penglibatan wanita ke arah sumbangan ekonomi keluarga. Walaupun sebelum kedatangan pemerintah kolonial British, sumbangan wanita dalam ekonomi keluarga dan masyarakat diakui, namun perkembangan ekonomi kapitalisme yang melihat sesuatu urusan ekonomi mestilah melibatkan wang, maka kegiatan wanita dalam ekonomi sara diri sudah tidak diiktiraf sebagai satu kegiatan ekonomi.

Perkembangan pendidikan formal bersifat sekular yang diperkenalkan oleh British dalam tahun-tahun 1930an merupakan faktor penting dalam mengubah corak dan susunan masyarakat.

Melalui perkembangan pendidikan, peranan seorang wanita telah menunjukkan kepelbagaian. Kini penglibatan wanita dengan pelbagai peranan di luar lingkungan rumah tangga semakin jelas. Pengenalan pendidikan formal di Tanah Melayu oleh British telah membawa fenomena baru yang mendorong wanita terlibat dengan kegiatan ekonomi di luar lingkungan rumah tangga dan bukan lagi hanya terikat dengan kegiatan ekonomi keluarga.

Perubahan-perubahan yang dibawa oleh British telah memberi nafas baru dan ruang yang lebih luas dalam melihat pembahagian peranan lelaki-wanita Melayu. Kesan daripada kolonialisme telah memberi perspektif baru dalam budaya Melayu terutama dalam melihat pembahagian peranan lelaki-wanita yang semestinya turut berubah.

Sebelum kedatangan barat, tradisi pembelajaran dalam masyarakat Melayu lebih menumpukan kepada bidang keagamaan. Tumpuan utama pendidikan hanyalah kepada pengajaran Al-Quran dan agama. Misalnya, sejak kecil lagi seroang kanak-kanak lelaki akan mempelajari Al-Quran dan asas-asas agama Islam. Dalam sistem pembelajaran masyarakat Melayu, pengajaran bahasa Melayu tidak ditekankan tetapi penekanan hanya diberikan kepada hal-hal keagamaan. Ini dapat dilihat dari petikan di bawah yang merupakan perbualan antara Sir Stamford Raffles

dan lebai Abdul Razak seorang guru agama:

..."Why do you not teach the Malay language?" The teacher replied "The parents of these children require that they shall first learn the Koran. Once they have mastered it they can proceed with the Malay language. That has always been our practice, and it is not the custom in this country for people to have places where the Malay language can be learnt."

[Philip Loh Fook Seng,  
1969:159]

Hanya pada abad ke-19 barulah pendidikan sekular mula diperkenalkan apabila Skinner membuka sekolah Melayu di Province Wellesly pada tahun 1871 [Awang Had Salleh, 1973:220]. Menurut Chai Hon-Chan [1967], pada peringkat awal pembukaan sekolah-sekolah Melayu, ibu bapa kurang berminat untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah sekular ini kerana tidak mahu kehilangan tenaga anak-anak dalam membuat kerja-kerja rumah dan takutkan anak-anak terpengaruh dengan agama Kristian. Di sekolah, mereka diajar membaca, menulis dalam bahasa Melayu, kira-kira mudah, geografi dan kebersihan [Chai Hon-Chan, 1967:235-250]. Perkembangan pendidikan anak-anak perempuan lebih lembap berbanding dengan

perkembangan pendidikan anak lelaki. Ibu bapa berpendapat pendidikan akan hanya menggalakkan anak-anak perempuan pandai menulis surat cinta dan bergaul bebas dengan lelaki,

They thought a knowledge of reading and writing would promote letters and intrigue, they were nervous about allowing their girls to raverse streets or paths unaccompanied, the mothers dislike losing the services of their daughter and the self-satisfied parents thought they could pick up cookery and needlework as well at home as in school.

[Chai Hon-Chan, 1967:250]

Menurut Hashimah Roose [1963], perubahan pendirian dalam mengantar anak-anak perempuan ke sekolah mula berubah apabila kesedaran ke arah persamaan status lelaki dan wanita muncul tada tahun-tahun 1940an. Pada ketika itu pemimpin negara mula menyedari yang kemerdekaan negara tidak akan berjaya tanpa sokongan kaum wanita. Oleh yang demikian wanita digalakkan mengambil bahagian dalam aktiviti sosial dan kemasyarakatan.

Perubahan juga berlaku selari dengan proses emansipasi wanita Melayu apabila terdapat ibu bapa yang

membenarkan anak-anak perempuan mereka mendapat pendidikan sekular. Kesan daripada perkembangan pendidikan sekular telah mendedahkan wanita Melayu kepada berbagai-bagai kerjaya di luar lingkungan rumah tangga.

Melalui pendidikan juga seorang wanita Melayu diharapkan dapat meningkatkan status keluarganya dengan mendapat pasangan hidup atau jodoh yang baik [Gerhold, 1971:72]. Ini kerana pegawai-pegawai lelaki Melayu yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Pentadbiran Malaya terpengaruh dengan pegawai-pegawai British untuk mengahwini wanita-wanita berpendidikan.

Kesan utama dan terpenting pendidikan terhadap seorang wanita Melayu didapati mereka mula melangkah keluar daripada pekerjaan tradisional kepada bidang-bidang pekerjaan baru seperti perkhidmatan dan pekerjaan iktisas. Namun jika diteliti, penglibatan wanita dalam bidang-bidang pekerjaan baru sebenarnya masih lagi rendah. Majoriti daripada wanita-wanita Melayu menyertai bidang perguruan. Bidang perguruan diberi keutamaan berbanding pekerjaan lain kerjaya ini lebih mudah untuk disesuaikan dengan urusan rumah tangga, dan waktu bekerja sebagai seorang guru adalah hanya separuh hari sahaja [Khadijah Muhammad, 1969:46].

Pada tahap tersebut, persepsi budaya terhadap pembahagian peranan lelaki-wanita masih lagi membayangkan nilai tradisi. Pegangan adat dan agama terhadap peranan asas yang dimainkan oleh seorang wanita masih lagi kukuh. Menurut Muhammad Luthfi [1957],

Betapa tinggi sekalipun pendidikan seorang wanita, dia tidak layak dipanggil wanita sekiranya dia tidak tahu bagaimana hendak mengendalikan sebuah rumahtangga yang bahagia, kerana keagungan seorang wanita itu adalah rumahtangganya.

[Ahmad Luthfi dalam Khalidah Amin, 1957:9]

Ahmad Luthfi [1957] menekankan yang walaupun dengan perkembangan pendidikan, prioriti utama seorang wanita tetap terhadap keluarga dan rumahtangga. Ini menerangkan mengapa majoriti daripada wanita Melayu pada ketika itu memilih kerjaya sebagai seorang guru. Pemilihan kerjaya sebagai seorang guru adalah bagi memastikan mereka dapat mengimbangi pekerjaan dengan rumahtangga. Pada awal pengenalan pendidikan formal, dunia pekerjaan masih merupakan sesuatu yang baru kepada wanita Melayu. Maka pada ketika itu seperti yang diterangkan oleh Admad Luhtfi [1957] prioriti wanita Melayu ketika itu masih lagi terhadap keluarga. Apa yang berlaku

pada tahap ini adalah perluasan dan kepelbagaian peranan wanita.

Perluasan dan kepelbagaian peranan wanita tergambar lebih ketara selepas negara mencapai kemerdekaan. Pada tahun 1957, jumlah peratusan wanita dalam sektor guna tenaga meningkat daripada 27% dalam tahun 1957 kepada 30% dalam tahun 1970. Peningkatan jumlah ini mempunyai kaitan dengan perkembangan peluang pendidikan bagi wanita. Selain itu, perkembangan ekonomi negara yang pesat setelah kemerdekaan juga membantu penglibatan wanita dalam sektor guna tenaga.

Perubahan daripada ekonomi tani kepada ekonomi industri telah membawa kepada penghijrahan wanita-wanita Melayu dari kampung ke bandar. Apabila wanita mula meninggalkan sektor pertanian, kebanyakannya daripada mereka beralih masuk ke dalam sektor perkhidmatan. Terdapat peningkatan jumlah wanita dalam sektor perkhidmatan, misalnya sebanyak 11.6% pada tahun 1957, 14.8% pada tahun 1970 dan 19.4% pada tahun 1980 [Jamilah Ariffin, 1992:26].

Menurut Jamilah Ariffin [1992], penglibatan wanita dalam sektor perkhidmatan boleh dibahagikan kepada tiga jenis mengikut tiga tahap yang berbeza. Pada tahap pertama iaitu

antara tahun 1957 dan 1970 semasa ekonomi Malaysia masih lagi bergantung kepada industri asas seperti pertanian, majoriti daripada wanita bekerja dalam sektor perkhidmatan tradisi iaitu sebagai amah atau pekerja domestik. Pada tahap kedua, apabila ekonomi Malaysia berubah daripada industri asas kepada industri yang berasaskan pembuatan dan perkilangan, perubahan mula berlaku. Dengan perkembangan proses perindustrian, wanita mula tertumpu di sektor perkilangan dengan melakukan kerja-kerja yang berasaskan kepada tenaga buruh, tetapi bukan kepada jenis-jenis pekerjaan yang berkemahiran tinggi, seperti dalam industri elektronik, pakaian dan tekstil. Selain bekerja di kilang-kilang, pada tahap ini wanita juga mula menceburি bidang perbankan, kewangan dan pengangkutan. Penglibatan mereka dalam bidang perkhidmatan ini meningkat daripada 5.2% pada tahun 1970 kepada 12.7% pada tahun 1980 [Jamilah Ariffin, 1992:27]. Akhirnya pada tahun 1980, dengan perkembangan ekonomi yang semakin pesat telah membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan wanita mula menceburی bidang-bidang perkhidmatan yang lebih tinggi, seperti dalam pendidikan dan pengurusan awam.

Perkembangan pendidikan yang pesat selepas kemerdekaan juga telah membawa perubahan terhadap penyertaan wanita dalam ekonomi negara. Kemerdekaan telah mengubah

penyertaan wanita dalam pendidikan. Selepas kemerdekaan jumlah kanak-kanak perempuan yang menghadiri sekolah rendah Melayu sebanyak 42.6% dan sekolah rendah Inggeris sebanyak 38.85%. Pada tahun 1967 iaitu sepuluh tahun selepas kemerdekaan, terdapat sebanyak 49.62% kanak-kanak perempuan dalam sekolah rendah Melayu dan 41.01% kanak-kanak perempuan menyertai sekolah rendah Inggeris. Manakala bagi peringkat menengah, penyertaan kanak-kanak perempuan dalam sekolah Melayu meningkat sebanyak 13.61% dalam tempoh sepuluh tahun selepas kemerdekaan [Manjit Kaur, 1994:142]. Namun penglibatan wanita dalam pendidikan peringkat tinggi khususnya universiti masih berkurangan pada peringkat awal kemerdekaan. Misalnya penyertaan pelajar wanita di Universiti Malaya pada 1959 hanya meliputi 19.81% sahaja, 25.89% pada tahun 1964 dan 28.67% pada akhir tahun-tahun enam puluhan [Manjit Kaur, 1994:144].

Pada awal tahun-tahun 1970an, kebanyakan pelajar wanita di peringkat pendidikan tinggi tertumpu kepada bidang-bidang kemanusiaan dan kesusasteraan [Manjit Kaur, 1994:145]. Misalnya pada tahun 1970 di Universiti Malaya, 39.05% pelajar wanita tertumpu di Fakulti Sastera tetapi hanya 0.51% sahaja pelajar wanita mendaftar sebagai pelajar di Fakulti Kejuruteraan.

Namun pada tahun-tahun 1980an berlaku perubahan dalam pemilihan bidang-bidang kursus yang diambil oleh pelajar-pelajar wanita di peringkat universiti. Misalnya di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1985, terdapat sebanyak 42.34% pelajar wanita menyertai Fakulti Pengurusan Perniagaan, 51.76% di Fakulti Perubatan, 45.98% di Fakulti Sains, dan 53.22% di Fakulti Sains dan Kemanusiaan. Namun penyertaan pelajar wanita dalam Fakulti Kejuruteraan masih lagi rendah, iaitu sebanyak 14.5% sahaja.

Penyertaan wanita dalam pendidikan tinggi telah mengubah pola penyertaan wanita dalam sektor gunatenaga. Dengan pendidikan tinggi yang diperolehi, wanita mampu untuk menjawat jawatan yang berkemahiran tinggi. Pendidikan tinggi yang diperolehi juga telah mewujudkan wanita-wanita dalam kerjaya profesional yang selama ini merupakan dominasi lelaki. Walaupun penyertaan wanita dalam kerjaya profesional masih lagi tertumpu kepada bidang-bidang kewanitaan seperti perguruan, kejururawatan dan perkhidmatan peringkat tinggi namun terdapat juga wanita-wanita yang mampu menembusi bidang-bidang profesional yang merupakan dominasi lelaki seperti kejuruteraan, arkitek dan lain-lainnya walaupun dalam jumlah yang masih lagi rendah.

Perkembangan pendidikan dan perkembangan ekonomi yang pesat selepas kemerdekaan sehingga sekarang telah mempelbagaikan penyertaan wanita dalam sektor gunatenaga. Wanita Melayu kini tidak hanya tertumpu dalam pekerjaan-pekerjaan peringkat rendah seperti dalam bidang pertanian, perkhidmatan seperti amah dan perkilangan tetapi wanita Melayu juga mula menceburi bidang-bidang profesional dan berprestij tinggi. Selepas kemerdekaan telah memperlihatkan wanita Melayu mula selesa dengan konsep pekerjaan yang memerlukannya keluar jauh dari lingkungan rumahangga. Ini menerangkan peningkatan jumlah wanita dalam bidang-bidang pekerjaan baru yang sebelum ini merupakan domain lelaki. Perlu juga ditegaskan masyarakat juga mulai dapat menerima penglibatan aktif wanita dalam pekerjaan-pekerjaan yang berprestij tinggi dan memerlukannya mempunyai kontak yang berterusan dengan individu di luar lingkungan kekeluargaan.

Selain daripada perkembangan pendidikan dan perkembangan ekonomi yang mendorong wanita-wanita Melayu untuk melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti ekonomi dalam bidang-bidang yang berbeza, perubahan nilai dan sikap wanita Melayu akibat daripada proses modenisasi juga turut mempengaruhi. Akibat daripada proses modenisasi, wanita Melayu mula merasakan mereka perlu bekerja atas dasar ingin

berdikari. Selain daripada bekerja untuk mengukuhkan ekonomi keluarga, mereka juga perlu bekerja kerana tidak mahu bergantung kepada suami dan mahu lebih bersikap berdikari. Ini berbeza dengan sebelum kemasukan idea-idea barat yang mana wanita Melayu mengharapkan segala keperluan ekonomi dipenuhi oleh suami dan menyebabkan mereka bergantung kepada suami dalam hidup berumahtangga. Dengan arus pemodenan, wanita Melayu merasakan hidup mereka lebih terjamin jika memperolehi pendapatan sendiri terutama di waktu-waktu menghadapi krisis rumah tangga seperti ditinggalkan oleh suami. Dengan bekerja juga wanita Melayu merasakan mereka mempunyai lebih kawalan ke atas hidup mereka sendiri dan bukannya ditentukan oleh suami. Namun keperluan untuk berdikari ini tidaklah sampai ke peringkat wanita Melayu membelaikan suami dalam tindak tanduknya. Pendapat suami dan keizinan suami masih lagi penting. Sifat berdikari yang diinginkan oleh wanita Melayu mempunyai batasannya dan ini digariskan oleh agama Islam dan adat dalam budaya Melayu.

Perluasan peranan wanita Melayu masih lagi selaras dengan kehendak adat dalam budaya Melayu serta agama. Walaupun kini wanita Melayu bekerja untuk berdikari dan sebagai jaminan hidup namun tanggungjawab utama mereka terhadap keluarga masih lagi kukuh. Seorang wanita Melayu

walaupun telah menjawat jawatan yang tinggi tetap merupakan tunggak utama dalam rumahtangga. Modernisasi dan pendidikan formal yang telah mengubah dan memperluaskan peranan wanita tidak menggugat pembentukan peranan lelaki-wanita yang telah ditetapkan oleh agama dan adat. Seorang wanita Melayu mungkin merupakan ketua di pejabat, namun apabila berada di rumah serta merta kedudukan berubah menjadi orang kedua dalam rumahtangga selepas suaminya. Di rumah beliau bukan lagi merupakan ketua tetapi berperanan sebagai isteri dan ibu yang bertanggungjawab menguruskan makan minum dan kelancaran rumahtangganya. Prioriti utamanya ialah membahagiakan suami dan anak-anak. Walau setinggi manapun ijazah yang diperolehi, tanggungjawab memasak, mengemas rumah dan menjaga kebajikan ahli-ahli keluarga merupakan prioriti teratas baginya. Namun berbeza dengan wanita barat, wanita Melayu tidak menganggap kewajipan rumahtangga sebagai satu bebanan dan penghinaan yang boleh merendahkan martabat mereka. Sebaliknya kejayaan mengimbangi kedua-dua peranan kerjaya dan rumahtangga dilihat sebagai satu pencapaian dan penghormatan tertinggi bagi seorang wanita Melayu. Malah kegagalan wanita Melayu mengimbangi peranan domestik dan kerjaya akan menyebabkan mereka berasa tertekan kerana gagal menjalankan peranan terpenting dalam hidup seorang wanita Melayu iaitu sebagai orang utama yang menguruskan rumahtangga.

Pendidikan dan modenisasi telah menaikkan status seorang wanita Melayu ke tahap yang lebih tinggi. Ini kerana kesan daripada pendidikan, wanita Melayu turut bersama-sama bekerja dan menyumbangkan kemahiran dan tenaga terhadap pembangunan negara tetapi pada masa yang sama mereka juga merupakan tunggak utama dalam menghidupkan kebahagiaan sebuah rumah tangga. Walaupun wanita Melayu terlibat dengan bidang-bidang pekerjaan yang dianggap berprestij tinggi namun kerangka tradisi masih lagi diikuti. Keluarga tetap merupakan prioriti utama walau bidang apapun yang diceburi. Pendidikan sebenarnya telah mengangkat wanita Melayu ke tahap "super-woman" yang menjadikan wanita seorang manusia yang versatil.

Pendidikan dan proses modenisasi pada masa yang sama turut membawa perubahan dan perluasan peranan seorang yang bernama suami. Peranan seorang lelaki berdasarkan adat telah diperluaskan. Seorang lelaki bukan hanya berperanan sebagai pencari nafkah utama tetapi juga turut membantu isteri melakukan kerja-kerja rumah. Jika dahulu, seorang suami juga turut melakukan kerja-kerja domestik apabila diperlukan terutama semasa ketiadaan isteri atau semasa isterinaya sakit. Tetapi kini seorang suami tidak perlu menunggu keadaan terdesak sebelum menghulurkan bantuan. Perluasan peranan yang terpaksa dimainkan oleh wanita menuntutnya mengimbangi dua

peranan yang amat berbeza iaitu sebagai seorang yang berkejaya dan sebagai pengurus rumahtangga. Oleh kerana desakan tugas dan kesibukan rumahtangga, lelaki Melayu kini lebih banyak melibatkan diri dengan urusan rumahtangga. Ini dapat dilihat dalam hasil kajian di mana pengkaji mendapati lelaki Melayu kini lebih banyak melibatkan diri dengan tugas-tugas rumahtangga berbanding dahulu. Perubahan zaman dan desakan hidup memerlukan penglibatan kaum lelaki dalam urusan rumahtangga dan ini telah diterima oleh budaya Melayu itu sendiri.

### 2.3. Peranan Profesional Wanita

Terdapat pelbagai kriteria yang diambil kira dalam mendefinisikan peranan wanita dalam bidang profesional. Moore mendefinisikan beberapa kriteria :

The professional practices a full time occupation, he is committed to a calling, he is identified with his peers, often in formalized organization, he possesses useful knowledge and skill as a result of exceptionally long specialized training or education, he is rather committed to rules of competence, conscientious performance and service and he enjoys autonomy due to a

high degree of technical specialization.

[Moore, 1970:13]

Rumusannya, pekerjaan profesional mempunyai beberapa kriteria seperti:

1. Pekerjaan menjadi nadi kehidupan pekerja profesional.
2. Pekerja mempunyai tanggungjawab sepenuhnya ke atas pekerjaan.
3. Pekerja menjadi ahli kepada persatuan-persatuan yang diinstitusikan dan diidentifikasi dengan golongan pekerja tertentu.
4. Pekerja menerima latihan dan pendidikan yang khusus dalam bidang yang diceburi.
5. Pekerja memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan.
6. Pekerja mempunyai darjah otonomi yang tinggi dalam pekerjaannya.
7. Pekerja mempunyai kemahiran teknikal yang tinggi, justeru dapat memberikan perkhidmatan terbaik. Kepakaran dan pengkhususan menjadi dasar pekerja profesional.

Pendapat Moore disokong oleh Millerson [1964] yang beranggapan pekerja profesional memerlukan kemahiran yang tinggi, menerima latihan dan pendidikan yang khusus, menguasai darjah otonomi yang tinggi dalam pekerjaan dan mempunyai organisasi atau persatuan untuk menjaga standard dan disiplin kerja. Kemahiran yang tinggi mestilah terkandung dalam satu

kerangka teori pengetahuan yang dapat membantu seseorang individu menjalankan tugasnya.

Kriteria-kriteria yang diberikan juga telah diusulkan oleh Wilensky (1964) untuk menganalisis pekerjaan profesional di Amerika Syarikat. Wilensky (1964) menambah bahawa tenaga kerja yang dilakukan bukanlah berbentuk manual atau menggunakan tenaga tetapi berbentuk "brain-work" atau lebih banyak menggunakan akal dan fikiran. Pengukuran dari segi latihan dan pendidikan juga penting. Ini kerana sistem pendidikan adalah salah satu mekanisme yang digunakan dalam pemilihan ahli ke dalam kumpulan profesional.

Selain Moore, Becker (1971) juga memberikan penekanan kepada faktor pemilihan ahli sebagai syarat utama untuk memasuki bidang profesional. Menurutnya dalam pengambilan ahli baru, hanya yang benar-benar layak sahaja akan terpilih. Ahli-ahli mestilah melalui proses pendidikan dan latihan yang panjang kerana pengetahuan yang bakal dipelajari adalah kompleks. Becker juga menambah, faktor otonomi adalah penting apabila dirujuk kepada golongan profesional. Menurutnya, seorang individu profesional mestilah mempunyai otonomi yang mutlak dalam kerjayanya. Tidak ada orang luar yang boleh mempertikaikan keputusan yang

dibuat. Sekiranya mereka gagal dalam sesuatu projek, hanya ahli profesional lain yang berhak menilai sebab-sebab kegagalannya. Pendapat ini disokong oleh Friedson yang menegaskan,

A profession is then  
conceived as distinct from  
other occupation in that it  
has been given the right to  
control its own work.

[Friedson, 1970:71]

Rumusannya, golongan profesional adalah sekumpulan individu yang mempunyai monopoli ke atas ilmu yang dipelajarinya dan menguasai sepenuhnya segala aspek yang berkaitan dengan kerjayanya. Realitinya perkara yang sedemikian tidak berlaku. Golongan profesional sekarang bukanlah merupakan golongan profesional yang benar-benar bebas dan mempunyai otonomi. Lazimnya mereka lebih terikat dengan organisasi-organisasi atau birokrasi di mana mereka bekerja [Silcock, 1977:20]. Segala keputusan yang dianggap penting dan besar dirujuk kepada orang-orang atasan dalam organisasi ini, menyebabkan mereka tidak mempunyai monopoli ke atas kerjayanya. Atas kriteria-kriteria di atas pemilihan jenis pekerjaan profesional yang dipilih dalam kajian ialah jurutera, arkitek dan pengatucara program komputer.

#### 2.4. Rumusan

Pembahagian peranan lelaki-wanita dalam masyarakat Melayu adalah ditentukan oleh faktor agama dan budaya walaupun sedikit sebanyak dipengaruhi oleh faktor biologi. Proses modenisasi, perkembangan ekonomi dan desakan hidup untuk terus maju sememangnya memerlukan kedua-dua lelaki dan wanita berganding bahu dalam bidang pekerjaan dan rumah tangga. Oleh yang demikian antara rela dan terpaksa masyarakat dan adat terpaksa akur dengan perubahan ini.

Oleh yang demikian, jelas yang pembentukan peranan lelaki-wanita ini sebenarnya dibentuk oleh adat dan agama. Sesuai dengan perubahan zaman dan pembaharuan, pembentukan peranan lelaki-wanita juga turut berubah. Namun teras-teras asas pembentukan peranan lelaki-wanita masih lagi mempertahankan nilai tradisi dan tunggak agama. Perubahan-perubahan yang berlaku masih lagi selari dengan kehendak agama dan adat. Faktornya biologi tidak semestinya menjadi faktor dominan dalam pembentukan lelaki-wanita tetapi hanya menjadi kerangka asas dengan mendapat suntikan faktor-faktor adat dan agama yang kemudiannya mebentuk pembentukan peranan lelaki-wanita Melayu. Faktor adat dan agama yang menjadikan pembentukan peranan lelaki-wanita Melayu lebih bersifat

versatil dan bukannya rigid mengikut faktor biologi.

Perkembangan pendidikan sekular dan kepesatan pembangunan ekonomi negara telah memberi peluang wanita untuk meluaskan peranan sosialnya yang melangkaui peranan biologi. Peluang pendidikan yang semakin meluas memungkinkan wanita melibatkan diri dalam dunia profesional yang sebelum ini merupakan domain lelaki. Walaupun wanita berada dalam arena profesional tetapi peranan domestiknya menurut fitrah seorang wanita masih lagi diteruskan. Ini sesuai dengan kehendak agama, iaitu tanggungjawab utama seorang wanita ialah untuk menguruskan rumahtangga dan memastikan kesejahteraan keluarga terus terpelihara. Oleh yang demikian, walaupun seorang wanita itu turut sama menyumbangkan ke arah pembentukan sebuah masyarakat atau ummah yang lebih maju, peranan domestiknya masih lagi penting. Kejayaan seorang wanita masih lagi diukur dengan keberkesanannya menjalankan tugas-tugas rumahtangga dan keluarga.